

## Edgenta Sasar Pemulihan dengan Kontrak Baharu Antarabangsa bagi Mengimbangi Cabaran S1

**KUALA LUMPUR, 29 Mei 2025** – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini, hari ini mengumumkan keputusan kewangannya yang belum diaudit untuk suku pertama berakhir 31 Mac 2025 (“Q1 2025”), dengan mencatatkan Kerugian Sebelum Cukai (LBT) sebanyak RM11.8 juta berbanding Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM19.6 juta dalam tempoh yang sama pada tahun lalu. Jumlah hasil pula berkurangan kepada RM646.1 juta, iaitu penurunan sebanyak 4.6% berbanding RM677.6 juta yang direkodkan dalam Suku Pertama TK2024. Prestasi syarikat dipengaruhi oleh peningkatan kos operasi, khususnya dalam aspek tenaga kerja, penunaian beberapa kontrak *one-off* serta faktor bermusim.

Meskipun berhadapan dengan cabaran, UEM Edgenta menyaksikan momentum positif melalui pengoperasian antarabangsanya, yang dijangka menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan syarikat pada masa hadapan. Pengoperasian Kumpulan di Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah merekodkan pertumbuhan hasil tahun-ke-tahun yang kukuh sebanyak 24%, hasil daripada usaha penyepaduan yang berkesan dan pengembangan entiti baharu yang diperolehi. Di Singapura, kejayaan memperoleh kontrak baharu berjumlah RM462.8 juta dalam unit Penyelesaian Penjagaan Kesihatan telah memperkukuhkan nilai buku pesanan kumpulan. Kontrak tambahan di Taiwan (RM328.7 juta) turut menyokong usaha Kumpulan untuk menstabilkan dan mengukuhkan prestasi perniagaannya.

“Walaupun suku pertama menghadapi beberapa cabaran seperti peningkatan kos dan faktor bermusim, kejayaan kami menembusi pasaran utama seperti Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Singapura baru-baru ini telah menyediakan asas bagi usaha pemulihan. Kami kekal komited terhadap pengurusan kos, meningkatkan kecekapan operasi serta memanfaatkan kehadiran kami di peringkat antarabangsa bagi menyokong usaha pemulihan jangka panjang,” kata Syahrulizam Samsudin, Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta Berhad.

Bahagian Penyelesaian Penjagaan Kesihatan telah menyumbang hasil sebanyak RM386.2 juta, bagi suku ini, sekaligus mengekalkan prestasi stabil dalam perkhidmatan sokongan hospital serta

memperluaskan kehadirannya dalam sektor penjagaan kesihatan swasta dan pasaran berkaitan. Manakala, bahagian Penyelesaian Hartanah & Kemudahan telah mencatatkan penurunan hasil berikutan penunaian kontrak yang telah dirancang, namun operasi antarabangsa telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh. Sementara itu, bahagian Penyelesaian Infrastruktur menyaksikan pengurangan projek perundingan, namun peningkatan aktiviti penyelenggaraan lebuh raya ekspres dan pengkomersialan kilang Turapan Asfalt Kitar Semula (*Recycled Asphalt Plant – RAP*) dijangka menyokong prestasi pada suku akan datang.

Sehingga 31 Mac 2025, UEM Edgenta mengekalkan kedudukan tunai yang kukuh berjumlah RM473.6 juta, membolehkan pelaburan berterusan dilaksanakan selaras dengan keutamaan strategik kumpulan. Di bawah pelaksanaan program transformasi *Edgenta of the Future 2025* (EoTF25), Kumpulan telah mencapai penjimatan kos sebanyak RM42.75 juta daripada sasaran lima tahun yang bermula pada tahun kewangan 2024.

Beliau menegaskan, “Kami akan terus memanfaatkan platform digital seperti Asseto dan UETrack bagi melancarkan operasi serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Kehadiran kerjasama strategik di peringkat antarabangsa dan portfolio yang pelbagai merupakan teras kepada usaha pemulihan serta daya tahan jangka panjang syarikat.”

Untuk maklumat lanjut berkenaan UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

### **Mengenai UEM Edgenta**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Wan Laila Fatimah, Ketua, Komunikasi Korporat ([wanlaila@edgenta.com](mailto:wanlaila@edgenta.com)) / Ali Baizuri Razali, Pengurus, Komunikasi Perhubungan Awam ([alibaizuri@edgenta.com](mailto:alibaizuri@edgenta.com))

pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.